

**LAPORAN LIPUTAN MEDIA HARIAN
KHAMIS 18 JULAI 2019**

BIL	TAJUK KERATAN AKHBAR	KEMENTERIAN / JABATAN / AGENSI
1. 2. 3. 4. 5.	TEMPOH DUA BULAN SAJA, NEWS, MALAYSIA MSN -6 PIG FARMERS GIVEN TWO MONTH TO IMPROVE BIOSECURITY, PREVENT AFRICAN SWINE FEVER, NEWS, HEAD TOPIC -7 PIG FARMERS URGED TO ACT AGAINST AFRICAN SWINE FEVER, NEWS, HEAD TOPIC -7 PIG FARMERS MUST IMPLEMENT BIOSECURITY MEASURES, NATIONAL, NANYANG SIANG PAU -A3 PIG FARMER SHOULD NOT TAKE LIGHTLY, NATION, SIN CHEW DAILY -16	JABATAN PERKHIDMATAN VETERINAR (JPV)
6. 7. 8. 9. 10. 11.	PAUS ORCA DITEMUI DI KUALA TERENGGANU, NEGARA, KOSMO -13 KEGIATAN BOM IKAN ANCAM HIDUPAN MARIN, NEGARA, KOSMO -10 GUNA WARNA SAMA, SETEMPAT, HM -22 BOT NELAYAN TEMPATAN LANGGAR SYARAT SAH LESEN, SETEMPAT, HM -22 TAHAN WARGA ASING LEKA TANGKAP IKAN, SETEMPAT, HM -22 LUPUS DUA BOT PUKAT RAWA SORONG, SETEMPAT, HM -22	JABATAN PERIKANAN MALAYSIA (DOF)
12. 13.	DURIAN BESUT MANIS, ISI TEBAL, SINAR NEGERI, SH -36 PELUANG USAHAWAN TEMBUSI PASARAN ANATARABANGSA, NASIONAL, SH -13	LEMBAGA PEMASARAN PERTANIAN PERSEKUTUAN (FAMA)
14. 15.	PUTUS TIGA JARI, SALIM HARAPKAN INSURANS, DALAM NEGERI, UM -44 ENCOURAGE YOUNG PEOPLE TO VENTURE IN AGRICULTURE, NEWS, CHINA PRESS (JOHOR) -C4	LAIN - LAIN

UKKMOA

UNIT KOMUNIKASI KORPORAT
KEMENTERIAN PERTANIAN & INDUSTRI ASAS TANI
(UNTUK EDARAN DALAMAN MOA, JABATAN DAN AGENSI SAHAJA)

Headline	Tempoh dua bulan saja		
MediaTitle	Malaysia MSN (www.msn.com/en-my)		
Date	18 Jul 2019	Color	Full Color
Section	NEWS	Circulation	1
Order Rank	6	Readership	5
Language	English	ArticleSize	N/A
Journalist	N/A	AdValue	RM 350
Frequency	Daily	PR Value	RM 1,050

Tempoh dua bulan saja

JABATAN Perkhidmatan Veterinar (JPV) memberi tempoh dua bulan kepada penternak babi seluruh negara untuk meningkatkan biosekuriti ladang bagi mengelakkan penyebaran African Swine Fever (ASF). Timbalan Menteri Pertanian Dan Industri Asas Tani, Sim Tze Tzi...

To read the rest of the article, click [View Full Article](#)

Headline	Pig farmers urged to act against African swine fever		
MediaTitle	Head Topics (headtopics.com/my)		
Date	18 Jul 2019	Color	Full Color
Section	News	Circulation	3
Order Rank	7	Readership	4
Language	English	ArticleSize	N/A
Journalist	N/A	AdValue	RM 900
Frequency	Daily	PR Value	RM 2,700

Pig farmers urged to act against African swine fever

Pig farmers urged to act against African swine fever

Pig farmers urged to act against African swine feverSEPANG: Pig farmers have been given two months to implement biosecurity measures to prevent the entry of the African swine fever (ASF) virus into Mal...

To read the rest of the article, click [View Full Article](#)

Headline	Pig farmers given two months to improve biosecurity, prevent African Swine Fever, deputy		
MediaTitle	Head Topics (headtopics.com/my)		
Date	18 Jul 2019	Color	Full Color
Section	News	Circulation	3
Order Rank	7	Readership	4
Language	English	ArticleSize	N/A
Journalist	N/A	AdValue	RM 900
Frequency	Daily	PR Value	RM 2,700

Pig farmers given two months to improve biosecurity, prevent African Swine Fever,

Pig farmers given two months to improve biosecurity, prevent African Swine Fever, deputy minister says
Pig farmers given two months to improve biosecurity, prevent African Swine Fever, deputy minister says SEPANG, July 17 — Swine breeders nationwide have b...

To read the rest of the article, click [View Full Article](#)

Headline	Pig farmers must implement biosecurity measures		
MediaTitle	Nanyang Siang Pau		
Date	18 Jul 2019	Color	Black/white
Section	National	Circulation	27,667
Page No	A3	Readership	83,000
Language	Chinese	ArticleSize	139 cm ²
Journalist	N/A	AdValue	RM 1,053
Frequency	Daily	PR Value	RM 3,159



预防非洲猪瘟 猪农须落实生物安全措施

(雪邦 17 日讯) 为了预防非洲猪瘟，国内的猪农须于两个月内，在养猪场落实生物安全措施，其中包括进入农场须穿特殊制服，足部浸泡消毒和为运

输车辆消毒。

农业与农基工业部副部长沈志勤指出，生物安全措施旨在预防猪感染猪瘟，确保养猪场及整个行业免受猪瘟影响。

他今日针对非洲猪瘟课题与猪农交流后，在记者会说：“如果农民采取必要措施，他们的猪不太可能感染猪瘟。这么做最符合他们的利益。”

自去年开始，中国、蒙古、越南、柬埔寨、朝鲜、寮国、波兰及比利时等国家相继发生非洲猪瘟，公众受促勿购买冷冻乳猪或网购猪肉成品。

Headline	Pig farmers should not take lightly		
MediaTitle	Sin Chew Daily		
Date	18 Jul 2019	Color	Full Color
Section	Nation	Circulation	288,920
Page No	16	Readership	866,760
Language	Chinese	ArticleSize	155 cm ²
Journalist	N/A	AdValue	RM 4,697
Frequency	Daily	PR Value	RM 14,091



沈志勤（中）与200名猪农业者交流后合影

沈志勤：嚴防瘟疫 豬農勿掉以輕心

（八打灵再也17日讯）农业及农基工业部副部长沈志勤强调生物安全的重要性，猪农受促加强农场的预防措施，确保生活收入不受影响。

他说，基于感染非洲猪瘟病毒的猪只死亡率是100%，即使大马目前不是

非洲猪瘟病毒的感染区，但猪农不可掉以轻心，官民需合作确保我国的生物安全。

他今日在个人脸书发文指出，该部连同兽医局，与200名猪农进行对话交流。

猪农说，希望政府打击走私猪肉，加强对边境的执法，并促请民众停止购买或食用走私的猪肉产品，尤其是乳猪。

Paus Orca ditemui di Kuala Terengganu

KUALA TERENGGANU
- Sepasang ikan Paus Orca atau lebih dikenali sebagai paus pembunuh ditemui berenang berhampiran dengan Pelantar Minyak Dulang kira-kira 91.8 batu nautika dari perairan Kerteh, Kemaman, dekat sini kelmarin.

Kehadiran dua ekor paus bersaiz gergasi dianggarkan masing-masing sekitar lebih lima tan itu menarik perhatian beberapa pekerja pelantar minyak terbabit.



Seorang individu dipercayai pekerja pelantar minyak milik Petroliam Nasional Berhad (Petronas) telah merakam video mereka pergerakkan dua ekor ikan Paus Orca di dalam laut.

Video berdurasi 30 saat menunjukkan ikan spesies

terbesar dunia itu timbul di permukaan air selama beberapa saat sebelum tenggelam semula ke dalam dasar Laut China Selatan.

Ketua Pasukan Penyelamat Kedamparan Spesies Marin Terancam Institut Penyelidikan Perikanan Penyuluhan dan Hidupan Marin Terancang Rantau Abang, Mohd. Tamimi Ali Ahmad berkata, Paus Orca merupakan ikan yang dikategorikan sebagai spesies terancam.

"Ikan Paus Orca atau nama saintifiknya, Orcinus Orca tersenarai dalam Jadual Mamalia Marin, Akta Perikanan 1985 (Peraturan-Peraturan Perikanan, Pengawalan Spesies Ikan Yang Terancam Pindaan 2019)," katanya di sini semalam.

Ujarnya, Paus Orca merupakan mamalia daripada spesies ikan lumba-lumba dan mampu berenang pada kelajuan kira-kira 55 kilometer sejam.



SEPASANG Paus Orca dilihat berenang berhampiran Pelantar Minyak Dulang di perairan Kerteh, Kemaman dekat Kuala Terengganu kelmarin.

Kegiatan bom ikan ancam hidupan marin

BARU-BARU ini, negara digemparkan dengan tragedi tiga penyelam termasuk dua pelancong China yang maut dipercayai akibat terkena letupan bom ikan ketika melakukan aktiviti sku-ba di perairan Pulau Kalapuan dekat Semporna, Sabah.

Mangsa yang juga jurulatih menyelam, Zainal Abdun, 31, bersama dua pelancong China dikenali sebagai Zhao Zheng dan Xu Yingjie ditemui tidak bernyawa bersama ikan yang mati bergelimpangan.

Kejadian itu mencetuskan tanda tanya kerana tiada siapa mendengar bunyi letupan di kawasan tersebut tetapi menerusi laporan bedah siasat yang dijalankan Hospital Tawau mengesahkan kematian ketiga-tiga mangsa berpunca daripada kesan letupan bom ikan.

Kegiatan mengebom ikan bukan kali pertama dilaporkan di daerah berkenaan kerana ia sudah lama berlarutan.

Sehingga kini terdapat nelayan yang berdegit menggunakan bom ikan demi mengaut keuntungan berlipat kali ganda tanpa memikirkan kesan akibat perbuatan mereka itu yang bukan sahaja mendatangkan bahaya kepada ekosistem tetapi juga manusia.

Hasil laut yang ditangkap menerusi kaedah ini juga dikhuatiri mengandungi racun dan boleh mendatangkan pelbagai penyakit sekiranya ia dimakan oleh manusia.

Dalam usaha membanteras kegiatan haram ini, Pasukan Polis Marin (PPM) Sabah telah mengadakan operasi bersepadu bagi mengenal pasti ikan yang ditangkap menerusi kaedah haram tersebut.

Bagi tempoh Januari hingga Jun tahun ini, sebanyak 30 kes dicatatkan di bawah kesalahan Akta Perikanan 1985 dan Akta Bahan Letupan 1957 termasuk memiliki bahan letupan dengan tujuan untuk menangkap ikan seperti detanator, baja amonia dan kompresor.

Di Semporna sahaja, sebanyak 43 kes direkodkan di bawah Akta Perikanan 1985 dan Akta Letupan 1957 setakat ini.

Sumber daripada Jabatan Perikanan memberitahu, kegiatan menangkap ikan menggunakan bahan letupan atau bom ikan merupakan salah satu aktiviti *Illegal, Unreported and Unregulated Fishing*.

"Aktiviti ini merupakan kesalahan



di bawah Seksyen 26 Akta Perikanan 1985 dan jika sabit kesalahan boleh didenda maksimum RM20,000 atau penjara selama tempoh sehingga dua tahun atau kedua-duanya sekali.

"Terdapat juga kes yang dituduh di mahkamah mengikut Akta Bahan Letupan 1957," jelasnya.

▲ Aktiviti ini merupakan kesalahan di bawah Seksyen 26 Akta Perikanan 1985 dan jika sabit kesalahan boleh didenda maksimum RM20,000 atau penjara selama tempoh maksimum dua tahun atau kedua-duanya sekali

Katanya, penggunaan bahan letupan bagi menangkap ikan boleh memusnahkan terumbu karang iaitu habitat untuk ikan berteduh dan membiak.

"Jika dilihat, kegiatan ini kerap dilaporkan berlaku di kawasan perairan Sabah tetapi di Semenanjung ada juga berlaku. Bagaimanapun, ia didapati terjadi di perairan perikanan darat (perairan sungai) seperti di Kelantan, Terengganu, Pahang dan Johor," tambahnya.

Dalam pada itu, Maritim Malaysia (APMM) tidak menolak penjualan bahan peledak yang digunakan dalam kegiatan bom ikan didalangi oleh rakyat negara ini sendiri.

Timbalan Ketua Pengarah (Operasi) APMM, Datuk Mohd. Zubil

Mat Som memberitahu, salah satu cara untuk mengekang kegiatan tersebut daripada terus berleluasa ialah dengan menghalang penjualan bahan peledak yang digunakan.

Katanya, penjualan bahan itu perlu ditangani segera sekiranya negara mahu menyekat kegiatan yang dilihat mendatangkan kesan buruk kepada industri perikanan itu.

"Selain itu kita juga perlu memastikan tiada lagi penjualan hasil laut daripada aktiviti bom ikan di pasar.

"APMM percaya jika kedua perkara ini dapat ditangani, maka tidak akan berlaku lagi aktiviti bom di perairan," katanya pada sidang akhbar di Putrajaya Isnin lalu.

Sementara itu, Penyelidik Lapangan Sahabat Alam Malaysia, Meor Razak Meor Abdul Rahman berpendapat, pihak berkuasa perlu meningkatkan tahap penguatkuasaan bagi membendung perkara itu daripada terus berlaku.

"Aktiviti ini bukan berlaku di laut malah di kawasan sungai. Oleh itu, pihak berkuasa perlu melakukan pemantauan dan penguatkuasaan secara berterusan selain mendapatkan kerjasama daripada agensi-agensi lain bagi mengenal pasti kawasan yang sering menjadi tumpuan kegiatan haram berkenaan.

"Selain itu, Jabatan Perikanan juga perlu mengadakan program-program kesedaran bagi mendidik masyarakat setempat berkenaan akibat daripada kegiatan tersebut," katanya.

Secara kesimpulannya, semua pihak perlu berganding bahu bagi menangani kegiatan haram ini daripada terus berleluasa selain peningkatan tahap penguatkuasaan oleh pihak berkuasa termasuklah dengan mengenakan penalti lebih berat kepada si pelaku.

SUSULAN KOMPLOK KLON BOT

Guna warna sama

Bot Pengerusi Pelaud turut jadi mangsa pengklonan

Rosli Khan
am@metro.com.my

Dugaan

Rakan menemui bot menggunakan warna dan nombor pendaftaran sama dengan bot saya tiga bulan lalu, sedangkan ketika itu saya berada di Pelabuhan Tok Ball, Kelantan," kata Pengerusi Persatuan Pengusaha-Pengusaha Perikanan Laut Dalam Pantai Timur (Pelaud) Datuk Seri Mohd Zakaria Nawang.

Mohd Zakaria tidak menafikan banyak bot nelayan Vietnam yang ditemui nelayan tempatan menangkap ikan di perairan negara menggunakan nombor pendaftaran dan mewarnakan bot mereka sama dengan bot tempatan bagi mengaburi pihak berkuasa Malaysia.

Beliau percaya ada nelayan atau orang tengah yang menyalurkan gambar dan nombor pendaftaran bot nelayan tempatan kepada pengusaha bot Vietnam.

"Dengan hanya menghantar gambar dan maklumat bot tempatan, orang ini sebenarnya yang untung kerana mereka dibayar pengusaha bot Vietnam"

66 Dengan hanya menghantar gambar dan maklumat bot tempatan, orang ini sebenarnya yang untung kerana mereka dibayar pengusaha bot Vietnam"

Mohd Zakaria Nawang

rana inereka dibayar pengusaha bot Vietnam," katanya.

Mohd Zakaria berkata, pihaknya mengingatkan semua bot nelayan tempatan segera menghubungi pihak berkuasa jika terserempak dengan bot nelayan asing mencuri hasil laut negara.

"Sebenarnya banyak maklumat yang diberi nelayan membuah hasil selingga tertangkapnya nelayan asing ini.

"Kami berterima kasih kepada Jabatan Perikanan (DOF), Agensi Penguatkuasaan Maritim Malaysia (APMM), Tentera Laut Diraja Malaysia dan Pasukan Polis Marin (PPM) yang mengambil tindakan terhadap bot nelayan asing ini.

"Pihak berkuasa turut diminta mengesan dan menangkap dalang terbabit da-



lam kegiatan ini kerana mereka sebenarnya merosakkan negara hingga nelayan asing berani mencuri hasil laut negara," katanya.

Mengulas lanjut Mohd Zakaria berkata, kerajaan tidak pernah meluluskan lesen kepada pengusaha bot nelayan Vietnam dan Thailand untuk membenarkan mereka menangkap ikan di perairan negara.

Katanya, kerajaan sebaliknya hanya meluluskan permit kepada nelayan Thailand dan Vietnam untuk bekerja sebagai nelayan dengan bot tempatan.

Dia berkata, dakwaan segelintir nelayan tempatan mengenai kemasukan nelayan Vietnam menangkap ikan di perairan Terengganu,

Kelantan dan Pahang dengan menggunakan lesen pengusaha tempatan tidak benar sama sekali.

"DOF tidak pernah mengeluarkan sebarang lesen dan kebenaran kepada bot nelayan asing menangkap ikan di perairan negara.

"Apa guna pengusaha bot asing nak bayar kepada kami (nelayan tempatan) antara RM5,000 dan lebih daripada itu sebulan.

"Nak guna lesen kami buat apa dan kami (pengusaha bot tempatan) sangat takut lesen ditarik kerajaan serta dikenakan denda sekiranya tertangkap," katanya.

Malah beliau turut menafikan bot nelayan asing bebas memasuki Pelabuhan Chendering dan Tok Ball untuk menjual hasil tangkapan.

"Dakwaan ini tidak betul, mana mereka berani masuk ke pelabuhan kita yang dikawal pihak berkuasa di pelabuhan. Kalau betul mereka masuk, seolah-olah menyebarkan diri.

"Bagaimanapun, nelayan asing yang ditemui dan berada di kawasan pelabuhan itu sebenarnya memiliki permit dan bekerja dengan pengusaha bot tempatan," katanya.



Bot nelayan tempatan kelas C yang ditahan APMM Pulau Pinang, awal pagi semalam.

Bot nelayan tempatan langgar syarat sah lesen

Georgejaya: Sebuah bot nelayan tempatan kelas C ditahan Agensi Penguatkuasaan Maritim Malaysia (APMM) kira-kira 1.4 batu nautika dari utara Muka Head, awal pagi semalam.

Dalam Op Periwijam 3.45 pagi itu, bot nelayan berkenaan didapati melakukan kesalahan mengikut Seksyen 8(b) Akta Perikanan 1985 kerana melanggar syarat sah lesen iaitu menangkap ikan kurang 15 batu nautika dari daratan terhampir.

Pengarah APMM Pulau Pinang Kapten Maritim Hamizan Harun berkata, hasil pemeriksaan lanjut, tekong lelaki berusia 50 tahun bersama dua awak-awak berusia 52 tahun berada di atas bot terbabit.

"Tiga lelaki yang ditahan itu adalah warga Thailand. Ma-

nakala bot berkenaan bersama satu gantung pukut runta, dua besi tunda dan hasil tangkapan kira-kira 1,500 kilogram ikan campur dibawa ke Jeti Batu Uban untuk siasatan dan tindakan lanjut.

"Kami memandang serius kesalahan di bawah Akta Perikanan 1985 terutama membabitkan aktiviti menangkap ikan di luar zon yang ditetapkan Jabatan Perikanan Malaysia," katanya.

Hamizan mengingatkan semua pengusaha bot sentiasa mematuhi undang-undang yang tertera dalam lesen vesel.

Orang awam dirumta melaporkan sebarang kejadian mencurigakan, kecekaman atau kemalangan di laut di talian MERS 999 atau Pusat Operasi Maritim Negeri Pulau Pinang di talian 04-2626146 / 04-2643650.



Dua bot pukut rawa sorong yang dirampas.

Lupus dua bot pukut rawa sorong

Park Bantan: Dua bot pukut rawa sorong yang dirampas Jabatan Perikanan Malaysia dimusnahkan semalam selepas proses perundangan mengikut Akta Perikanan 1985.

Ketua Pangkalan Cawangan Perlindungan Sumber Kuala Kurau Nazri Mohd Noh berkata, kedua-dua bot dianggarkan bernilai RM12,000 adalah bot ditahan dalam operasi di perairan Kerian, Selinsing tahun lalu.

"Pelupusan bot dan semua peralatan yang dirampas ini mengikut prosedur ditetapkan dalam Akta Pe-

rikiran 1985," katanya ketika dihubungi semalam.

Sementara itu, menurutnya, sebuah bot pukut hanyut juga berjaya ditahan pada Khamis minggu lalu dalam operasi yang dijalankan di perairan Kerian.

"Dalam operasi itu, dua nelayan warga Rohingya yang mengusahakan bot berkenaan ditahan.

"Bot berkenaan kini disita sementara menunggu keputusan proses perundangan manakala dua warga Rohingya berusia 22 dan 26 tahun disiasat mengikut Akta Perikanan 1985," katanya.

Tahan warga asing leka tangkap ikan

Pelabuhan Klang: Kegiatan dua nelayan warga asing yang aktif mencuri hasil laut di perairan negara ini mengundang padah apabila ditahan sepasukan anggota Pasukan Polis Marin (PPM) dalam Op Pintasan di perairan laut Kuala Selangor, kelmarin.

Ketika ditahan, dua lelaki warga Myanmar itu sedang bekerja menangkap ikan menggunakan sebuah bot fibber.

Pegawai Pemerintah Markas Operasi PPM Pelabuhan Klang Deputy Superintendan Khairuddin Jamal berkata, operasi pada jam 7 pagi itu mengesan bot tidak bernombor dalam keadaan mencurigakan pada jarak 0.26 batu nautika dari Kuala Selangor.



Dua nelayan warga asing yang ditahan PPM di perairan laut Kuala Selangor, kelmarin.

Menurutnya, kedua-dua lelaki terbabit berusia 45 tahun dan didapati menggunakan peralatan yang tidak dibenarkan bagi menangkap ikan oleh Jabatan Perikanan Malaysia.

"Kedua-duanya dirahan sebekum dibawa ke Jeti Perikanan Kuala Selangor untuk tindakan selanjutnya.

"Selain itu, sebanyak 24 pasang pukut bubu naga, bot serta kira-kira 30 kilogram ikan yang semuanya dianggarkan bernilai RM20,700 dirampas," katanya.

Beliau berkata, siasatan awal mendapati kedua-duanya dipercayai diupah untuk mencari hasil laut sebelum menjualnya kepada peraih tempatan.

"Mereka dipercayai sudah melakukan kegiatan ini sejak setahun lalu.

"Siasatan lanjut masih dijalankan dan kes disiasat mengikut Akta Perikanan 1985," katanya.

FAKTA

Siasatan awal mendapati kedua-duanya dipercayai diupah mencari hasil laut sebelum dijual kepada peraih tempatan

TARIKH	MEDIA	RUANGAN	MUKA SURAT
18/7/2019	SINAR HARIAN	SINAR NEGERI	36

Durian Besut manis, isi tebal

JERTIH- Durian daripada Besut bukan calang-calang kualitinya malah dikatakan setanding dengan raja buah dari beberapa kawasan di negara ini.

Pengarah Lembaga Pemasaran Pertanian Persekutuan (FAMA) Terengganu, Fauzi Mohamed berkata, isi durian kampung Besut lebih enak dan berkualiti.

“Isinya tebal, lemak dan manis termasuk ulas berwarna kuning yang memang dinantikan penggemar durian,” katanya.

Justeru katanya, raja buah dari kebun milik Kamaruddin Che Omar di Kampung Pengkalan Sentul dekat Seberang Jertih terpilih untuk dibawa ke Program Durian Day yang akan berlangsung di pekarangan Ibu Pejabat FAMA Terengganu, Kuala Terengganu pada 7 Ogos depan.

“Siri jelajah ke beberapa pasar tani di negeri ini telah diadakan dan mendapat sambutan baik orang ramai,” katanya kepada pemberita ketika melawat kebun durian milik Kamaruddin, 61, di Pengkalan semalam.

Hadir sama pegawai kanan FAMA negeri dan Pegawai FAMA Besut, Abd Rashid Che Muda.

Fauzi berkata, sebanyak 30 hingga 40 metrik tan durian kampung dan klon akan dijual pada program tersebut termasuk dari Perak, Kedah, Pahang dan Johor.

Menurutnya jualan pada harga istimewa antara lima hingga 20 peratus berbanding harga pasaran.

“Kita juga bercadang menjual satu plastik dengan harga RM20 namun bergantung kepada bekalan. Orang ramai juga boleh membeli manggis dan petai,” katanya.

Fauzi memberitahu, durian Terengganu dan Kelantan dijangka gugur dalam jumlah yang banyak pada awal bulan depan dan bakal dijual pada harga RM4 atau RM5 ke atas bagi sekilogram.



Fauzi (tiga dari kiri) melihat durian di kebun milik Kamaruddin di Kampung Pengkalan Sentul semalam.

TARIKH	MEDIA	RUANGAN	MUKA SURAT
18/7/2019	SINAR HARIAN	NASIONAL	13

Peluang usahawan tembusi pasaran antarabangsa

KUALA LUMPUR - Sebanyak 223 buah reruai melibatkan usahawan dari Malaysia akan dibuka pada Expo Malaysia Fest 2019 yang akan berlangsung di Changi, Singapura pada 25 hingga 28 Julai ini.

Lembaga Pemasaran Pertanian Persekutuan (FAMA) dalam satu kenyataan berkata, program itu ialah salah satu ruang promosi bagi produk usahawan Malaysia menembusi pasaran antarabangsa.

Menurut kenyataan tersebut, produk yang akan dibawa pada Expo Malaysia Fest 2019

antaranya ialah buah-buahan, ulam-ulaman, tanaman kontan, produk proses dan Industri Asas Tani (IAT), makanan, kesihatan, kecantikan, gaya hidup serta fesyen.

**EXPO MALAYSIA
FEST 2019**

“Objektif utama penyertaan adalah untuk memperkuh dan memperluaskan pasaran produk keluaran Malaysia ke Singapura bagi meningkatkan nilai eksport usahawan bimbingan FAMA serta lain-lain agensi.

“Ia juga untuk menyediakan platform kepada usahawan Malaysia mempromosi dan membuat jualan produk mereka

Objektif utama penyertaan adalah untuk memperluaskan pasaran produk keluaran Malaysia ke Singapura.”

kepada pengguna di Singapura.

“Usahawan Malaysia juga berpeluang membina jaringan perniagaan dan mencari pengimport berpotensi bagi mengembangkan pasaran ke Singapura,” kata kenyataan tersebut.

TARIKH	MEDIA	RUANGAN	MUKA SURAT
18/7/2019	UTUSAN MALAYSIA	DALAM NEGERI	44



SALIM ABDULLAH menunjukkan tiga batang jari yang putus akibat tersepit pada tali penarik pukat.

Putus tiga jari, Salim harapkan insurans

KEMAMAN 17 Julai - Sudah 57 tahun, Salim Abdullah, 79, memperhambakan diri menjadi nelayan bagi menyara keluarga dengan rutinnya setiap awal pagi akan turun ke laut mencari rezeki untuk anak isteri.

Namun tiada siapa sangka, pukul 8.45 pagi tanggal 28 April lalu telah mengubah kehidupan warga emas dari Kampung Tanah Lot Kemasik dekat sini itu daripada seorang yang normal kepada cacat anggota.

Bapa kepada tujuh orang anak itu, terpaksa menerima hakikat, dia telah melalui detik hitam apabila kehilangan tiga jari tangannya ketika cuba membetulkan tali untuk menarik pukat yang berlipat pada mesin penarik pukat.

Kejadian berlaku sewaktu mangsa bersama 11 lagi nelayan termasuk tekong sedang menjalankan aktiviti menangkap ikan di perairan Kemasik dekat sini, tiga bulan lalu.

Salim berkata, semasa meletakkan tali pada mesin penarik pukat, dia cuba perbetulkan tali sebelum jari telunjuknya tersepit lalu putus.

"Dalam masa yang sama dua lagi jari saya iaitu jari manis dan kelengkeng turut tersepit dan putus menyebabkan saya terus pengsan di situ," katanya ketika ditemui *Utusan Malaysia* di rumah anaknya di Kampung Tanah Lot, Kemasik, di sini semalam.

Salim yang mengalami kecederaan serius dibawa balik ke Jeti Kuala Kemasik menggunakan bot kecil dan dihantar ke Klinik Kemasik untuk rawatan awal sebelum dibawa ke Hospital Kemaman selain turut membuat laporan polis mengenai kejadian itu di Balai Polis Air Jernih, Kemasik.

Menurut duda itu, dia telah membuat caruman insurans pada setiap tahun melalui Skim Insurans Nelayan Berkelompok dan dia layak menikmati faedah skim itu.

Berikutan nasib malang yang menimpa, dia meluahkan rasa kesal dengan sikap syarikat insurans terlibat yang seolah-olah tidak mahu bertanggungjawab terhadapnya.

Headline	Encourage young people to venture in agriculture		
MediaTitle	China Press (Johor)		
Date	18 Jul 2019	Color	Full Color
Section	News	Circulation	19,804
Page No	C4	Readership	59,412
Language	Chinese	ArticleSize	296 cm ²
Journalist	N/A	AdValue	RM 4,036
Frequency	Daily	PR Value	RM 12,109



周忠信：變氣候條件適合 鼓勵年輕人從事農業



■ 周忠信（前）主持叶陶沙村拿督公庙理事会就职典礼。

（居鑾17日讯）行动党明吉摩区州议员周忠信指出，居鑾盆地地理位置优越，气候条件适合农业发展，鼓励年轻人运用现代科技从事农业。

他说，农业科技提高收成率，同时也减少人力资源的需求，通过进行自动化灌溉施肥，是非常有前景的行业。

他昨晚在叶陶沙村拿督公庙庆祝拿督公公圣诞千秋平安宴会致词时，如此指出；他也为该庙理事会就职主持监誓。

他说，近期和农业部的种植、渔业与畜牧部门开会，探讨如何把位于亚依淡路现代农业计划、加亨路占地约有9000亩的大地加以

整顿发展。

另一方面，周忠信说，随著他在州议会多次提出要提升居鑾至亚依淡的峇株巴辖路段（联邦50号公路），公共工程行政议员苏里汉已召集峇株巴辖县和居鑾县的公共工程局局长，到实里拉龙新村进行实地勘察。

他说，由于目前的拨款有限，该道路的主要拨款会用在提升照明灯的数量。

他说，该路段是车祸黑区，是因为安全设施不足，因此建议工程局在主要车祸黑区重划成右转道等候区，增加明显的交通警示牌和设立更多照明灯。